



BEGINILAH keadaan sekitar kawasan Taman Permai Baru di Jalan Langgar, Alor Setar yang dilanda banjir kilat malam kelmarin.

Penduduk tertekan akibat banjir kilat

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR – Penduduk Taman Permai Baru di Jalan Langgar di sini mendakwa hidup dalam keadaan tertekan berikutan banjir kilat yang melanda kawasan rumah mereka setiap kali hujan lebat.

Seorang penduduk, Mohd. Kamal Osman, 60, (gambar kecil) berkata, kawasan itu dilanda banjir kilat sebanyak lima kali dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Katanya, dalam kejadian terkini pukul 6 petang kelmarin, rumah mereka dimasuki air sedalam ham-

pir setengah meter.

“Kami sudah tidak dapat menahan sabar kerana setiap kali hujan lebat walaupun dalam tempoh setengah jam, rumah kami pasti dimasuki air,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, banjir berlaku disebabkan perumahan itu berada di kawasan lebih rendah menyebabkan aliran air dari tapak perumahan baharu lain mengalir masuk ke situ.

“Keadaan itu menyebabkan semua air turun ke dalam longkang perumahan kami seterusnya melimpah serta memasuki rumah,” ujarinya.

Azmy Yushak, 53, pula berkata, air di dalam longkang di belakang rumahnya sentiasa bertakung sehingga terpaksa dialir keluar menggunakan pam.

“Setiap kali ada air bertakung, penduduk di sini terpaksa mengepamnya keluar dan apabila berlaku hujan lebat, pasti melimpah menjadi banjir kilat,” katanya.

Azmy mendakwa, banjir kilat berlaku sejak projek pembinaan rumah baharu di kawasan berdekatan dan usaha kerajaan Persekutuan menaik taraf sistem perparitan di situ tidak dapat membantu menangani masalah tersebut.

“Sepatutnya pihak bertanggungjawab sama ada pemaju atau Majlis Bandaraya Alor Setar membina parit untuk mengalirkan limpahan air ke kawasan lebuhraya berdekatan,” jelasnya.

